

**GALAKAN DAN DORONGAN PEKERJA BAWAH  
UMUR: KAJIAN KES RESTORAN  
TERPILIH DI SANDAKAN**



**FARAH NUR FADHILAH BINTI AMRAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**GALAKAN DAN DORONGAN PEKERJA BAWAH  
UMUR: KAJIAN KES RESTORAN  
TERPILIH DI SANDAKAN**



**FARAH NUR FADHILAH BINTI AMRAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA MUDA HUBUNGAN INDUSTRI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri yang bertajuk Galakan dan Dorongan Pekerja Bawah Umur: Kajian Kes Restoran Terpilih di Sandakan, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 OGOS 2022

FARAH NUR FADHILAH BINTI AMRAN

BA19110692



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

Latihan ilmiah bertajuk "Galakan dan Dorongan Pekerja Bawah Umur: Kajian Kes Restoran Terpilih di Sandakan" yang disediakan oleh Farah Nur Fadhilah Binti Amran BA19110692 ini adalah bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:

Dr. Mahadirin Hj. Ahmad  
Penyelia Latihan Ilmiah  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sabah  
Tarikh: 02 Oktober 2022

## **PENGHARGAAN**

### **Bismillahirrahmanirrahim**

Segala puji bagi Allah S.W.T. atas segala limpah kurnia dan rahmatnya yang telah memberi petunjuk, inspirasi, ketabahan, dan kesabaran kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Mahadirin Hj. Ahmad diatas segala tunjuk ajar dan masa berharga yang diberikan sepanjang saya menjalankan penulisan ini. Tanpa ilmu dan nasihat beliau, saya tidak mungkin akan mampu menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Amran @ Azlansyah Bin Asli dan Puan Rohana Binti Benjamin diatas segala pengorbanan, sokongan dan dorongan serta lontaran kata-kata semangat yang diberikan kepada saya. Dorongan dari kedua ibu bapa saya ini telah menjadikan diri saya semakin tabah dan kuat dalam menempuhi arus pengajian ini. Terima kasih atas segala doa yang telah dipanjatkan dalam memastikan diri ini sentiasa bersemangat dan tidak mudah berputus asa untuk terus berjuang.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang telah banyak membantu saya sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah dan semua pihak yang telah menyumbang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Terima Kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat faktor-faktor penglibatan pekerja bawah umur yang bekerja di restoran sekitar kawasan Batu 7 Sandakan, Sabah serta bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan keutamaan pekerja bawah umur tersebut akan gaji yang diterima oleh mereka. Kajian ini dilakukan di kawasan Batu 7 Sandakan yang mana kajian ini melibatkan seramai empat orang informan. Bagi memudahkan kajian ini, pendekatan kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan bersertakan persampelan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada informan dengan lebih khusus dan tepat. Pengkaji menggunakan teknik temubual untuk mendapatkan data. Kemudian, data akan dianalisis dengan ditranskripkan dari alat perakam suara kepada ayat yang berbentuk akademik. Hasil data yang diperoleh menunjukkan bahawa faktor penglibatan pekerja bawah umur adalah disebabkan oleh faktor ekonomi, politik, dan sosial. Manakala keutamaan gaji yang diterima oleh informan dapat dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu keutamaan untuk diri sendiri, keutamaan untuk ibu bapa, dan keutamaan untuk keluarga.

*Kata kunci : Pekerja bawah umur, restoran, faktor penglibatan, keutamaan gaji.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRAC**

*This study was conducted to see the factors of the involvement of underage workers working in restaurants around Batu 7 Sandakan, Sabah as well as to find out more about the preference of the underage workers for the salary they receive. This study was conducted in the Batu 7 area of Sandakan where this study involved a total of four informants. In order to facilitate this study, the research approach used is a qualitative approach with sampling that aims to obtain information from informants more specifically and accurately. The researcher used interview techniques to obtain data. Then, the data will be analyzed by transcribing from the voice recorder into academic sentences. The results of the data obtained show that the involvement of underage workers is caused by economic, political, and social factors. While the salary preference received by the informant can be divided into three forms, namely preference for oneself, parents, and family.*

*Keywords : underage workers, restaurants, involvement factors, wage preferences.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN PELAJAR .....	i
PENGESAHAN PENYELIA .....	ii
PENGHARGAAN .....	iii
ABSTRAK .....	iv
<i>ABSTRAC</i> .....	v
ISI KANDUNGAN .....	vi
BAB 1 .....	1
Pengenalan .....	1
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar belakang kajian .....	2
1.3 Permasalahan Kajian .....	4
1.4 Persoalan Kajian .....	6
1.5 Objektif Kajian .....	6
1.6 Kepentingan Kajian .....	6
1.7 Definisi Operasional .....	7
1.7.1 Pekerja .....	7
1.7.2 Kanak-kanak .....	8
1.7.3 Pekerja Kanak-kanak .....	8
1.7.4 Restoran .....	8
1.8 Susunan Bab .....	8
1.9 Kesimpulan .....	10
BAB 2 .....	11
KAJIAN LITERATUR .....	11
2.1 Pengenalan .....	11
2.2 Kajian-Kajian Lepas .....	12
2.2.1 Isu pekerja bawah umur dan jam bekerja .....	12
2.2.2 Isu pekerja bawah umur dan upah .....	13
2.2.3 Isu pekerja bawah umur dan faktornya .....	13
2.2.4 Konsep Buruh Kanak-kanak .....	15
2.2.5 Akta berkaitan buruh kanak-kanak .....	17
2.2.6 Bentuk Penglibatan Buruh Kanak-kanak .....	19
2.3 Faktor Penglibatan Pekerja Bawah Umur .....	21
2.3.1 Faktor ekonomi .....	21
2.3.2 Faktor Politik .....	22
2.3.3 Faktor Sosial .....	24
2.4 Kerangka Konseptual .....	27
Rajah 2.1: Kerangka Konseptual .....	27
2.5 Kesimpulan .....	27
Bab 3 .....	28
METODOLOGI KAJIAN .....	28
3.1 Pengenalan .....	28
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	28
3.2.1 Kaedah kajian kualitatif .....	29
3.2.2 Lokasi Kajian .....	30
3.3 Teknik Persampelan .....	31
3.3.1 Persampelan Bertujuan .....	31



3.4	Prosedur Pengumpulan Data .....	31
3.4.1	Temubual .....	31
3.4.2	Pemerhatian .....	32
3.5	Kaedah Pengumpulan Data .....	33
3.5.1	Sumber data primer .....	33
3.5.2	Sumber data sekunder .....	33
3.6	Analisis Data .....	34
3.6.1	Analisis Tematik .....	34
3.6.2	Pengkodan .....	34
3.7	Kesimpulan .....	35
BAB 4	.....	36
DAPATAN KAJIAN	.....	36
4.1	Pengenalan .....	36
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Informan .....	37
4.3	Mengenalpasti faktor-faktor penglibatan pekerja bawah umur di kawasan Batu 7 Sandakan .....	39
4.3.1	Faktor Ekonomi .....	39
4.3.2	Faktor Politik .....	44
4.3.3	Faktor Sosial .....	46
4.4	Keutamaan Pekerja Bawah Umur Terhadap Gaji yang Diterima daripada Majikan ...	49
4.5	Kesimpulan .....	50
BAB 5	.....	52
PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	.....	52
5.1	Pengenalan .....	52
5.2	Ciri-ciri Pekerja restoran Bawah Umur .....	52
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian .....	53
5.3.1	Mengenalpasti faktor-faktor penglibatan pekerja restoran bawah umur di kawasan Batu 7 Sandakan .....	54
5.3.2	Mengenalpasti keutamaan pekerja bawah umur terhadap gaji yang diterima daripada majikan .....	57
5.4	Perkembangan Analisis Kerangka Konseptual dan Dapatan Kajian .....	58
5.5	Implikasi Kajian .....	58
5.5.1	Teoritikal .....	58
5.5.2	Majikan .....	58
5.5.3	Pekerja Bawah Umur .....	59
5.5.4	Tanggungjawab Pemerintah .....	59
5.6	Cadangan .....	59
5.6.1	Penyelidik .....	59
5.6.2	Mahasiswa atau Mahasiswi .....	60
5.6.3	Sistem Pendidikan .....	60
5.6.4	Kajian Akan Datang .....	60
5.7	Kesimpulan .....	61
BAB 6	.....	62
RUMUSAN DAN CADANGAN	.....	62
6.1	Rumusan .....	62
6.2	Cadangan .....	63
6.2.1	Penyelidik .....	63
6.2.2	Mahasiswa atau Mahasiswi .....	63
6.2.3	Kajian Akan Datang .....	63
6.3	Kesimpulan .....	64
RUJUKAN	.....	66

LAMPIRAN A.....	70
Borang Temubual Pekerja Bawah Umur .....	70
LAMPIRAN B.....	73
Gambar Pengkaji dan Iforman di Kawasan Kajian .....	73
Informan 1 kajian, Mulin .....	73
Informan 2 Kajian, Falwisyah .....	73
Informan 3 Kajian, Adina .....	74
Informan 4 Kajian, Marissa .....	74
LAMPIRAN C.....	75
Surat Kebenaran Menjalankan Latihan Ilmiah .....	75
Surat kebenaran menjalankan penyelidikan .....	75
LAMPIRAN D.....	76
Laporan Turnitin .....	76



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dan menerangkan secara keseluruhan mengenai kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji dengan menghuraikan beberapa sub-topik tertentu. sub-topik ini terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi terma dan susunan tesis. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana pekerja bawah umur menerima galakan dan dorongan daripada masyarakat sekeliling untuk bekerja khususnya di restoran terpilih Sandakan. Pada masa kini, individu yang berumur 18 ke bawah sering diambil bekerja oleh para majikan terutama dalam industri makanan, *food & beverage* (F&B) serta sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Apabila seseorang dirujuk sebagai budak atau kanak-kanak kecil, ia merujuk kepada orang muda yang belum mencapai akil baligh dan tidak dapat membuat pilihan untuk dirinya sendiri. Kanak-kanak sering dibahagikan kepada dua kumpulan: kanak-kanak awal, yang berumur antara lahir hingga enam tahun, dan kanak-kanak pertengahan dan lewat, yang berumur antara tujuh hingga dua belas tahun. Kanak-kanak yang berumur antara 18 dan ke bawah dan yang mula ingin mengetahui apa sahaja yang mereka lihat dan perhatikan dianggap sebagai kanak-kanak pertengahan dan lewat. Walau bagaimanapun, majoriti anak muda bekerja dan hidup dalam keadaan yang sangat mencabar. Kanak-kanak menjalani kehidupan yang sengsara kerana mereka bukan sahaja lapar dan mengambil jumlah makanan yang berlebihan, tetapi juga kerana mereka mengalami eksploitasi dan penderaan. Akibatnya, kanak-kanak yang terlibat dalam buruh kanak-kanak boleh didapati di mana-mana di negara, bukan sahaja di Malaysia.

Akibat ketidakupayaan mereka untuk mengekalkan cara hidup kanak-kanak mereka, Buruh Kanak-Kanak (BKK) yang dimaksudkan juga menunjukkan gejala yang sama seperti orang kanak-kanak yang disebut di atas secara umumnya. Ini adalah isu global, dan ia juga memberi kesan kepada negara kita sendiri, Malaysia. Di samping itu, Malaysia juga

mempunyai ramai kanak-kanak yang menjadi buruh terutama di Sabah. Penglibatan buruh kanak-kanak selalunya merupakan 1 perkara yang sangat negatif terutamanya apabila bilangan buruh kanak-kanak semakin meningkat dari 1 tempat ke 1 tempat.

Hasilnya, beberapa kajian mengenai buruh kanak-kanak telah dijalankan oleh pelbagai penyelidik atau ahli akademik terdahulu. Selain itu, kajian ini dijalankan dan dihasilkan untuk mengetahui lebih lanjut tentang faktor penyumbang pekerja bawah umur dan keutamaan mereka terhadap gaji yang diterima dari pelbagai perspektif, khususnya di lokasi kajian, restoran Batu 7 Sandakan, Sabah yang pada masa ini berkembang dan berkembang dengan cepat.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Sejak dahulu lagi, pekerja kanak-kanak sudah mula mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Penglibatan mereka dalam dunia pekerjaan telah menimbulkan tanda tanya dalam kalangan pengkaji. Pada tahun 1980, Malaysia Population Census telah mengeluarkan laporan yang menunjukkan bahawa daripada 37,475 kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 14 tahun telah mula bekerja dengan tujuan untuk mengurangkan beban keluarga terutamanya dalam sektor perladangan (Jomo, 1992). Sehubungan dengan itu, Malaysian Population Census sekali lagi mengeluarkan laporan pada tahun 1990 mengenai penglibatan buruh kanak-kanak yang mendadak naik antara 77,000 hingga 200,000 orang. Rozanah (1996) dalam kajiannya menyatakan empat faktor utama yang menjadi punca penglibatan buruh kanak-kanak. Faktor yang pertama adalah kemiskinan.

Pendapatan keluarga yang kurang cukup untuk menampung kehidupan seharian menyebabkan kanak-kanak yang hidup dalam keluarga tersebut terpaksa untuk bekerja bagi membantu kehidupan diri sendiri serta keluarga mereka. Faktor kedua adalah kanak-kanak tersebut kurang keinginan untuk melibatkan diri dalam pendidikan lebih-lebih lagi ibu bapa mereka langsung tidak memberi dorongan kepada mereka untuk bersekolah malah memberi alasan untuk mengajar anak mereka supaya berdikari dan keluar bekerja bagi membantu keluarga. Faktor ketiga pula adalah sikap majikan yang dahagakan keuntungan sehingga gemar mengambil buruh kanak-kanak kerana upah yang dibayar kepada mereka adalah lebih murah berbanding buruh biasa. Faktor yang terakhir pula adalah sikap masyarakat kita sendiri. Masyarakat pada hari ini menganggap penglibatan

buruh kanak-kanak itu sebagai tradisi sesuatu bangsa yang telah menjadi kebiasaan sejak dahulu lagi. Meskipun begitu, penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam bidang pekerjaan ini telah menjadi 1 fenomena di kebanyakan negara (Greenberger & Steinberg, 1986; Marsh, 1991; Mortimer & Shanahan, 1994) Penggunaan tenaga muda sama ada diberi gaji mahupun yang tidak diberi gaji dianggap sebagai 1 sumber untuk menambahkan pendapatan keluarga atas sebab desakan ekonomi yang melanda sesebuah keluarga. Buktinya lebih daripada 560,000 kanak-kanak dan remaja yang berusia antara 10 hingga 19 tahun dilaporkan oleh bancian penduduk 1980 telah terlibat dengan pekerjaan bagi membantu ibu bapa mereka di sawah, ladang, kebun, kedai serta bekerja untuk orang lain.

Buruh kanak-kanak di tempat kerja masih menjadi masalah yang sering berlaku di seluruh dunia, termasuk di negara kita sendiri. Ini berlaku memandangkan beberapa generasi anak muda hari ini berhadapan dengan isu seperti tidak bersekolah dan terpaksa mencari pekerjaan untuk menampung kehidupan.

Bar-On (1998) mendefinisikan kanak-kanak jalanan sebagai sama ada kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan atau kanak-kanak yang tidak mampu atau tidak berdaya. Selain itu, anak-anak jalanan ini diklasifikasikan oleh Barrette (1955) sebagai kutu gelandangan yang merupakan penjual jalanan. Lazimnya, anak muda itu tidak dipedulikan atau tidak dipedulikan oleh orang dewasa atau ibu bapa. Walaupun "hak kanak-kanak" sering digunakan untuk mencegah buruh kanak-kanak, kejayaan adalah mencabar (Cunnigham & Stromquist, 2005).

Dari 1 negara ke negara lain, terdapat perbezaan dalam pengambilan pekerja, buruh kanak-kanak, dan eksploitasi kanak-kanak. Rasamani (1995) menegaskan bahawa dalam negara yang mempunyai populasi yang besar dan kemiskinan yang besar, kadar kanak-kanak selalunya hampir atau lebih tinggi daripada di Malaysia.

Oleh itu, didapati bahawa wujud pekerja bawah umur yang bekerja di restoran kawasan Batu 7 Sandakan yang terletak kira-kira 14 kilometer dari pusat bandar Sandakan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, topik buruh atau buruh bawah umur adalah topik yang sering dibangkitkan. Walaupun terdapat perlindungan undang-undang untuk kanak-kanak, sesetengah majikan hanya mahu menggunakan anak-anak supaya mereka boleh digunakan sebagai bidak oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Masyarakat dan media tidak mendapat sebarang maklum balas yang mencukupi di wilayah Sabah ini mengenai sektor pekerjaan tidak formal atau tidak formal termasuk buruh kanak-kanak. Ini mungkin disebabkan oleh pembolehubah yang dikaitkan dengan negara membangun, yang kadangkala mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas. Penyelidik cuba untuk menentukan sama ada terdapat pampasan buruh kanak-kanak dalam sektor tidak teratur melalui penyiasatan ini. Selain itu, pengkaji menumpukan pada elemen yang mendorong orang ramai mula bekerja pada usia awal, khususnya di rantau Sabah.

Penglibatan pekerja bawah umur mendapat galakan daripada pihak kerajaan terutamanya sebagai pekerja sambilan. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Sufean Hussin (2016), bahawa mengikut laporan dalam Utusan Malaysia pada 20 Februari 1998, kerajaan sangat menggalakkan golongan pelajar bekerja secara sambilan seperti di restoran-restoran yang menjual makanan segera bagi menampung keperluan tenaga kerja negara. Walaupun pekerjaan sambilan tersebut dibenarkan asalkan tidak membebankan sehingga menjejaskan pelajaran mereka.

Kira-kira 1 perempat daripada semua kanak-kanak dalam lingkungan umur ini bekerja di seluruh dunia. ILO menganggarkan bahawa 250 juta kanak-kanak berumur antara 5 dan 14 tahun aktif dari segi ekonomi. Walau bagaimanapun, menurut ILO juga, terdapat 246 juta kanak-kanak yang bekerja di antara umur lima dan 17 tahun di seluruh dunia. Sementara itu, dianggarkan 111 juta kanak-kanak di bawah umur 15 tahun bekerja dalam pekerjaan berbahaya.

Dalam pada itu, terdapat beberapa peraturan yang diwujudkan bagi melindungi pekerja bawah umur. Buktinya Menurut Malaysia Employment Handbook 1995 (h.145), adalah tidak berpatutan jika kanak-kanak atau orang muda diupah untuk melakukan apa sahaja pekerjaan untuk jangka masa tujuh hari berturut-turut. Ini kerana, seseorang kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja lebih daripada enam jam dalam sehari atau jika seseorang kanak-kanak menghadiri sekolah, masa bekerja tersebut mestilah bersamaan dengan masa yang dihabiskan untuk menghadiri sekolah. Ini bermakna mereka tidak boleh bekerja lebih

daripada tujuh jam. Dalam pada itu seseorang kanak-kanak juga tidak dibenarkan bekerja di antara pukul lapan malam hingga pukul tujuh pagi.

Dzurizah Ibrahim dan Jalilah Md. Shah (2014) telah menyatakan bahawa buruh kanak-kanak di Semenanjung Malaysia merangkumi kerja domestik di warung-warung dan kedai kopi, serta aktif dalam industri berskala kecil atau sektor perladangan (Jomo, 1992). Sementara itu, buruh kanak-kanak merupakan isu yang teruk di Malaysia, khususnya di rantau Sabah di mana penyelidikan dijalankan, memandangkan kanak-kanak terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi di bandar dan luar bandar (Ramli Dollah, 2013).

Pada zaman penggunaan teknologi yang semakin canggih ini, pilihan pekerjaan juga semakin meluas yang mana ianya telah membuka lebih banyak peluang untuk pelajar untuk bekerja tanpa mengganggu masa persekolahan dan pencapaian mereka dalam peperiksaan (Rozita Baba, 2018). Ini bermakna, cabaran dan halangan mereka untuk terlibat dalam dunia pekerjaan semakin tipis.

Melihat daripada penglibatan pekerja bawah umur atau buruh kanak-kanak yang semakin meningkat dalam negara pada masa kini, maka wujudnya keperluan untuk melakukan kajian lanjut bagi mengetahui apa dan bagaimana kanak-kanak tersebut mendapat dorongan untuk bekerja. Dengan ini, kajian yang akan dilakukan akan dapat menjawab pelbagai persoalan berkaitan pekerja bawah umur. Kajian ini juga akan mengenalpasti sejauh mana galakan dan dorongan pekerja bawah umur yang bekerja dalam sektor restoran terpilih di Sandakan.

Dari segi data sebenar berkaitan buruh kanak-kanak yang telah disiasat pada masa lalu, semua sarjana yang telah meneliti topik ini bersetuju bahawa tanggapan kemiskinan mempunyai kesan yang signifikan dan positif dalam menarik perhatian kanak-kanak ke alam pekerjaan. Namun, tidak seperti penyelidikan yang dijalankan di luar negara oleh Akira Shimada (2015) dan Menon, kajian yang dijalankan di persekitaran Sabah tidak menekankan konsep buruh kanak-kanak bergaji (2018). Melihat akan permasalahan ini, telah timbul persoalan mengenai kewujudan pekerja bawah umur di kawasan Batu 7 Sandakan, Sabah dari segi faktor penglibatan dan keutamaan terhadap gaji yang diterima.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian telah wujud hasil daripada permasalahan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Antara persoalan-persoalan yang timbul berkaitan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pekerja bawah umur untuk bekerja di restoran kawasan Batu 7 Sandakan.
- b) Apakah keutamaan pekerja bawah umur yang bekerja di restoran sekitar kawasan Batu 7 terhadap gaji yang diterima daripada majikan.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pekerja bawah umur yang bekerja di restoran terpilih Sandakan manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah:

- a) Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pekerja bawah umur untuk bekerja di restoran kawasan Batu 7 Sandakan.
- b) Menenalpasti keutamaan pekerja bawah umur yang bekerja di restoran sekitar kawasan Batu 7 terhadap gaji yang diterima daripada majikan.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan bagi mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Terdapat perbezaan antara kerja anak bergaji dan tidak bergaji. Ini juga ditunjukkan oleh fakta bahawa anak-anak yang bekerja makan gaji mendapat pampasan daripada majikan mereka dalam bentuk gaji atau upah. Sebaliknya, kanak-kanak yang bekerja tanpa gaji berkemungkinan melakukannya atas arahan ibu bapa mereka. Di samping itu, kepentingan kajian ini memainkan peranan penting dalam membantu menyelesaikan cabaran untuk projek penyelidikan. Oleh itu, terdapat beberapa kelebihan atau faedah yang mungkin diperoleh oleh pihak yang terlibat dengan melakukan penyelidikan ini.



Pengkaji memperoleh maklumat dan kemahiran untuk menyiapkan tugas ilmiah ini melalui kajian ini. Perkara ini juga dapat memberikan banyak butiran mengenai buruh kanak-kanak di Malaysia, khususnya di Sabah. Di samping itu, kajian ini juga memberi sedikit pendedahan awal kepada penyelidik terutamanya yang hendak melakukan kajian berkaitan pekerja bawah umur dalam sektor tidak formal. Hal ini dikatakan demikian kerana, penyelidik telah melihat sendiri keadaan sebenar yang berlaku pada persekitaran pekerja bawah umur. Dengan melihat dengan mata sendiri, pengkaji menjadi sedar dan mengambil iktibar agar dapat membantu generasi sekarang dan akan datang untuk mencegah eksploitasi kanak-kanak di tempat kerja.

Kepentingan kedua pula ialah, pengkaji berpendapat bahawa dapatan kajian ini mungkin membantu pihak pengurusan atau pihak lain yang berkepentingan dalam membangunkan dan mempertingkatkan dasar semasa yang berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak yang kurang baik. Oleh itu, adalah penting bagi pihak terbabit menitikberatkan hak dan kebajikan kanak-kanak.

## **1.7 Definisi Operasional**

### **1.7.1 Pekerja**

Menurut Akta Kerja 1955, pekerja merupakan aspek terpenting dalam sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, pekerja merupakan penggerak utama selepas majikan dalam mencapai objektif organisasi. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pula mendefinisikan pekerja sebagai mana-mana orang yang diambil bekerja oleh majikan di bawah kontrak pekerjaan serta bekerja bagi mendapatkan upah atau ganjaran. Dalam akta ini juga, pekerja merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan pertikaian perdagangan seperti pemecatan, pelepasan, pemberhentian, dan sebagainya.

Pekerja juga merupakan setiap orang yang bekerja dengan menerima gaji, upah, atau imbuhan dalam bentuk lain. Dalam kajian yang dilakukan oleh Wisnurwardhani (2017), beliau mengatakan bahawa pekerja atau karyawan secara sosiologinya memang merupakan pihak yang lebih lemah berbanding pihak majikan. Pekerja juga merupakan individu yang tidak mempunyai kebebasan dalam menentukan kehendak mereka sendiri kerana pihak majikan telah memberikan batas-batas yang harus dipatuhi oleh pekerja.

### **1.7.2 Kanak-kanak**

Menurut kedua-dua Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001, seseorang itu dianggap sebagai kanak-kanak jika mereka berumur di bawah 18 tahun pada masa kelahiran mereka. Seorang manusia muda yang belum mencapai akil baligh dan tidak dapat membuat pilihan sendiri disebut sebagai kanak-kanak. Seorang kanak-kanak kadang-kadang dirujuk sebagai seorang lelaki atau kanak-kanak kecil.

### **1.7.3 Pekerja Kanak-kanak**

Menurut Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan)(pindaan) 2019 (Akta A1586), kanak-kanak merupakan individu yang berumur 15 tahun kebawah manakala mereka yang berumur 18 tahun kebawah pula adalah orang muda. Dalam undang-undang dan peraturan buruh kanak-kanak juga, usia memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan pekerjaan kanak-kanak tersebut. Dalam erti kata lain, terdapat sekatan umur terhadap beberapa pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja kanak-kanak bagi tujuan keselamatan mereka sendiri. Justeru itu, definisi pekerja kanak-kanak dalam kajian ini adalah individu yang berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun yang bekerja di restoran terpilih Sandakan sama ada bekerja secara sambilan mahupun sepenuh masa.

### **1.7.4 Restoran**

Restoran didefinisikan sebagai perniagaan yang menyediakan layanan makanan dan minuman bagi masyarakat umum dan dikendalikan secara profesional (Sukrsno, 2005). Manakala pengertian restoran menurut Marsum WA (2005) dalam kajian Durachim (2017), restoran merupakan tempat atau bangunan yang diorganisasikan secara perniagaan, yang menyelenggarakan layanan makanan dan minuman dengan baik. Definisi restoran dalam konteks kajian ini pula adalah merupakan suatu tempat untuk kanak-kanak bekerja dan mendapatkan upah setelah melakukan pekerjaan.

## **1.8 Susunan Bab**

Dalam bab yang pertama, perbincangan telah dilakukan dengan merujuk tajuk kajian iaitu 'Galakan dan Dorongan Pekerja Bawah Umur: Kajian Kes Restoran Terpilih Sandakan'. Bagi permasalahan atau isu kajian, ianya juga telah dibincangkan bagi mengetahui bagaimana

sesebuah permasalahan yang wujud dapat menimbulkan persoalan dalam kajian ini. Selain itu, bab ini juga ada menyatakan mengenai objektif-objektif kajian iaitu mengenalpasti faktor-faktor penglibatan pekerja bawah umur di kawasan Batu 7 Sandakan dan mengenalpasti keutamaan pekerja bawah umur terhadap gaji yang diterima daripada majikan. Akhir sekali, kepentingan kajian juga turut sama disentuh dalam bab ini.

Setelah selesai menulis bab 1, pengkaji meneruskan penulisan dengan memasukkan beberapa elemen penting dalam bab dua. Bab dua ini lebih membincangkan mengenai sorotan kajian terdahulu yang telah ditulis oleh para pengkaji, ahli akademik, para sarjana dan cendekiawan mengenai tajuk kajian. Dalam bab ini juga, pengkaji telah membahagikan beberapa topik kepada sub-topik agar proses perbincangan berkenaan dengan sorotan literatur lebih mudah difahami.

Dalam bab ketiga, teknik dan strategi mengenai penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik sepanjang tempoh penyiasatan ini akan dibincangkan. Pengkaji juga membincangkan tentang pendekatan yang digunakan iaitu kaedah kualitatif untuk memperoleh data sepanjang bab ini dijalankan. Selepas itu, bahagian ini telah merangkumi kaedah atau proses yang sesuai yang harus digunakan untuk digunakan bagi memproses dan menilai hasil penyelidikan. Oleh itu, pemilihan prosedur atau teknik yang sesuai untuk analisis data mungkin memudahkan pengkaji untuk meneliti setiap penemuan berdasarkan matlamat kajian yang telah ditetapkan.

Selain itu, hasil kajian yang telah dikaji berdasarkan dapatan daripada teknik temubual dibincangkan dalam bab empat buku ini. Dalam bab ini, pengkaji juga akan menentukan sama ada hasil kajian dapat menyokong teori seperti yang ditunjukkan dalam kajian terdahulu. Ini akan dilakukan dengan melihat sama ada teori tersebut boleh disokong atau tidak dengan dapatan penyiasatan.

Perbincangan umum mengenai matlamat penyelidikan, sama ada ia dicapai atau tidak, menunjukkan akibat kajian, cadangan, dan kesimpulan diliputi dalam bab kelima kajian. Di samping itu, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan, yang akan merangkumi penambahbaikan untuk penyelidikan masa depan yang berpotensi, dan bahagian terakhir akan menjadi kesimpulan, yang akan memberikan ringkasan hasil dapatan kajian yang dikumpul.

## 1.9 Kesimpulan

Secara amnya, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui sifat penyertaan kanak-kanak dalam buruh bergaji dan punca-punca yang membawa kepada penglibatan tersebut dalam dunia pekerjaan, khususnya di restoran yang terletak di kawasan kejiranan Batu 7 Sandakan. Di samping itu, bab ini mengkaji pelbagai topik berkaitan penyelidikan, seperti kesukaran penyelidikan, persoalan kajian, matlamat penyelidikan, dan sebagainya. Dalam bab pertama, maklumat ini berfungsi sebagai sambungan kepada bab-bab berikutnya, di mana ia akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam dapatan penyelidikan seterusnya.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Pada masa kini, Malaysia dianggap sebagai salah 1 negara membangun. Terdapat beberapa negara dengan populasi yang mempunyai keupayaan untuk meningkatkan lagi negara secara keseluruhan. Negara-negara tersebut antaranya: Sebaliknya dapat diperhatikan pada bangsa kita sendiri iaitu Malaysia yang mempunyai banyak hasil bumi yang tidak produktif seperti dalam industri perladangan, pertanian dan sebagainya. Ini mungkin dapat dilihat apabila ia memberi kesan kepada masyarakat, khususnya kepada ahli masyarakat yang kini menganggur. Malah, sebahagian besar negara kita telah dibanjiri dengan buruh atau pekerja dari negara lain.

Disamping itu, dalam era globalisasi ini juga, pihak yang bertanggungjawab dalam sesebuah negara perlu bimbang dengan sistem pendidikan dalam keupayaan negara tersebut melahirkan generasi yang lebih berilmu secara menyeluruh. Oleh sebab itu, bagi memastikan tiada masalah dengan tenaga kerja muda, khususnya yang melibatkan golongan muda dalam dunia pekerjaan, ini sedang dilakukan. Hasilnya, skop kajian penyelidikan ini telah diperluaskan untuk merangkumi buruh atau pekerja, khususnya isu-isu berkaitan pengambilan pekerja bawah umur dalam tenaga kerja.

Dalam membincangkan permasalahan yang telah diketengahkan iaitu penglibatan pekerja bawah umur atau buruh kanak-kanak yang semakin meningkat dalam negara pada masa kini, kebanyakan kajian-kajian yang lepas adalah mengenai faktor dan cabaran golongan bawah umur bekerja. Bagi kajian literatur yang menyentuh mengenai dorongan dan galakan pekerja bawah umur adalah sukar untuk diperolehi. Bagi kajian ini, dorongan dan galakan pekerja bawah umur akan hanya berpandukan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kajian-kajian literatur terdahulu dan maklumat sekunder dalam bentuk data, soalan selidik, temubual, pandangan penyelia serta pengalaman penulis sendiri. Rujukan kajian-kajian literatur adalah dari kajian-kajian tempatan dan luar negara. Antara sub-topik yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah seperti berikut:

- a. Isu pekerja bawah umur dan jam bekerja
- b. Isu pekerja bawah umur dan upah
- c. Isu pekerja bawah umur dan faktornya
- d. Konsep buruh kanak-kanak
- e. Akta berkaitan buruh kanak-kanak
- f. Bentuk penglibatan buruh kanak-kanak
- g. Kesimpulan

## **2.2 Kajian-Kajian Lepas**

### **2.2.1 Isu pekerja bawah umur dan jam bekerja**

Joko (1992) dalam kajiannya menyatakan bahawa kanak-kanak yang bekerja di restoran atau pasar malam biasanya bekerja dalam tempoh jangka masa yang sangat panjang iaitu hingga ke larut malam. Manakala bagi pekerja kanak-kanak yang bekerja di bengkel pula biasanya bekerja tidak kurang dari 19 jam sehari. Utusan Malaysia (1994) telah melaporkan bahawa terdapat kanak-kanak yang berusia di bawah 14 tahun diambil bekerja sebagai kedi di padang golf yang mana waktu kerjanya melebihi enam jam sehari. Bukan itu sahaja, Sarirah dan Ahmad Shamsul turut menyatakan dalam kajian bahawa terdapat kanak-kanak yang tidak mendapat sebarang bayaran upah bekerja pada hari cuti mingguan atau cuti umum. Kenyataan dia atas jelas menunjukkan bahawa majikan gemar mengambil pekerja bawah umur kerana mudah untuk dieksploitasi.

Menurut Malaysia Employment Handbook 1995 (h.145), seseorang kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja lebih daripada enam jam dalam sehari atau jika seseorang kanak-kanak menghadiri sekolah, masa bekerja tersebut mestilah bersamaan dengan masa yang dihabiskan untuk menghadiri sekolah. Ini bermakna mereka tidak boleh bekerja lebih daripada tujuh jam. Dalam pada itu seseorang kanak-kanak juga tidak dibenarkan bekerja di antara pukul lapan malam hingga pukul tujuh pagi.

### **2.2.2 Isu pekerja bawah umur dan upah**

Kanak-kanak yang terlibat dalam bidang pekerjaan seringkali dikaitkan dengan pembayaran kadar upah yang rendah atau tidak diberikan upah sama sekali, bekerja dalam keadaan yang teruk atau berbahaya kepada kesihatan dalam tempoh jangka masa yang panjang (ILO,2004). Pekerja kanak-kanak atau bawah umur ini juga sering dijadikan bahan kepada eksploitasi ekonomi. Oleh sebab itu, menurut Norruzeyati (2018), kanak-kanak yang terlibat dengan dunia pekerjaan mungkin tidak akan dapat menamatkan pendidikan seperti kanak-kanak yang lain. Keadaan ini amat mendatangkan keburukan kepada kanak-kanak itu sendiri kerana jika mereka gagal menamatkan pendidikan asas, mereka akan terdedah dengan sektor pekerjaan yang menawarkan pendapat yang rendah apabila mereka dewasa kelak. Dalam pada itu, terdapat beberapa peraturan yang diwujudkan bagi melindungi pekerja bawah umur. Buktinya Menurut Malaysia Employment Handbook 1995 (h.145), adalah tidak berpatutan jika kanak-kanak atau orang muda diupah untuk melakukan apa sahaja pekerjaan untuk jangka masa tujuh hari berturut-turut.

### **2.2.3 Isu pekerja bawah umur dan faktornya**

Rozanah (1996) dalam kajiannya menyatakan empat faktor utama yang menjadi punca penglibatan buruh kanak-kanak. Faktor tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kemiskinan
- ii. Tidak berminat dengan pendidikan
- iii. Sikap majikan
- iv. Sikap masyarakat

Faktor yang pertama adalah kemiskinan. Pendapatan keluarga yang kurang cukup untuk menampung kehidupan seharian menyebabkan kanak-kanak yang hidup dalam keluarga tersebut terpaksa untuk bekerja bagi membantu kehidupan diri sendiri serta keluarganya. Faktor kedua adalah kanak-kanak tersebut kurang keinginan untuk melibatkan diri dalam pendidikan lebih-lebih lagi ibu bapa mereka langsung tidak memberi dorongan

kepada mereka untuk bersekolah malah memberi alasan untuk mengajar anak mereka supaya berdikari dan keluar bekerja bagi membantu keluarga. Faktor ketiga pula adalah sikap majikan yang dahagakan keuntungan sehingga gemar mengambil buruh kanak-kanak kerana upah yang dibayar kepada mereka adalah lebih murah berbanding buruh biasa. Faktor yang terakhir pula adalah sikap masyarakat kita sendiri. Masyarakat pada hari ini menganggap penglibatan buruh kanak-kanak itu sebagai tradisi sesuatu bangsa yang telah menjadi kebiasaan sejak dahulu lagi.

Meskipun begitu, penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam bidang pekerjaan ini telah menjadi 1 fenomena di kebanyakan negara (Greenberger & Steinberg, 1986; Marsh, 1991; Mortimer & Shanahan, 1994) Penggunaan tenaga muda sama ada diberi gaji mahupun yang tidak diberi gaji dianggap sebagai 1 sumber untuk menambahkan pendapatan keluarga atas sebab desakan ekonomi yang melanda sesebuah keluarga. Buktinya leboh daripada 560,000 kanak-kanak dan remaja yang berusia antara 10 hingga 19 tahun dilaporkan oleh bancian penduduk 1980 telah terlibat dengan pekerjaan bagi membantu ibu bapa mereka di sawah, ladang, kebun, kedai serta bekerja untuk orang lain.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Sufean Hussin (2016), didapati ramai pelajar yang bekerja bagi membantu ibu bapa mereka berniaga di pasar-pasar malam atau di gerai makan. Ini adalah disebabkan oleh desakan daripada keadaan keluarga mereka yang memaksa mereka untuk turut serta memikul beban demi mencari sesuap nasi. Buktinya, ada beberapa orang pelajar dari sekolah menengah yang terpaksa bekerja setiap hari setelah kehilangan ayah bagi menyara adik-adik serta ibunya yang tinggal bersama. Keadaan yang memaksa seperti ini menyebabkan mereka bekerja setiap hari tanpa henti.

Menurut Norruzeyati (2018) juga, ILO (2004) menyatakan bahawa terdapat kesukaran dalam memisahkan pekerjaan yang boleh diterima dan tidak diterima yang melibatkan pekerja kanak-kanak. Keterlibatan kanak-kanak dalam pekerjaan sama ada kerja-kerja di rumah atau atau kerja-kerja di luar rumah yang dikenali sebagai aktiviti ekonomi bagi membantu keluarga telah menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran tidak formal agar keharmonian mereka bersama keluarga kekal terpelihara. Ibu bapa biasanya bersetuju dan mendorong penglibatan kanak-kanak dalam melakukan aktiviti pekerjaan bagi mengajar anak mereka berdikari dan bertanggungjawab. Bekerja dalam usia kanak-kanak juga dikatakan dapat memberi pandangan awal dan menjadikan mereka pekerja mahir apabila dewasa kelak.